

UNIVERSITI SAINS MALAYSI

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

ATW103 - UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM (6)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. (a) Encik Pantas, seorang pelajar di Universiti Sains Malaysia, telah berkunjung ke Cafesiswa untuk makan tengah harinya. Dia telah mengambil satu pinggan dari meja dan seterusnya memilih seketul daging dan sayur-sayuran. Kemudian dia mengambil sebiji pisang, betek dan segelas minuman ringan dan mengisi semua ini ke dalam pinggan. Kemudian dia mula berjalan ke meja tunai untuk membayar. Tiba-tiba dia teringat peperiksaan pertengahan semester akan bermula dalam satu minggu lagi. Dia tidak berasa lapar dan seterusnya memberitahu kasier dia ingin pulangkan semua barang yang diambilnya tadi. Kasier menuntut supaya Encik Pantas bayar untuk barang-barang itu. Nasihatkan Encik Pantas.

[15 markah]

- (b) A membuat satu tawaran untuk menjual mesin jahitnya berjenama Singer melalui surat kepada B pada 2 September 1997 yang memerlukan penerimaan melalui pos. Surat itu disalahtuju dan diterima lewat oleh B. B menerima surat itu pada 5 September 1997. B telah pos surat penerimaan dengan serta merta dan surat itu sampai kepada A pada 9 September. A telah menjual mesin jahit itu kepada seorang lagi pembeli pada 8 September 1997.

Apakah nasihat anda kepada B dari segi undang-undang kontrak?

[10 markah]

...2/-

2. Pilih mana-mana TIGA daripada perkara berikut dan bincangkan. Semua kes yang berkenaan mesti diberi dan dijelaskan.

(a) Faktor-faktor yang boleh mengakibatkan sahnya kontrak.

[8.3 markah]

(b) Mungkir 'anticipatory'.

[8.3 markah]

(c) Nilai terdahulu.

[8.3 markah]

(d) Jenis-jenis salahnyata.

[8.3 markah]

(e) Pelepasan kontrak melalui pelaksanaan dan mungkir janji.

[8.3 markah]

(f) Gantirugi.

[8.3 markah]

(g) Janji Estoppel.

[8.3 markah]

(h) Kekecewaan.

[8.3 markah]

3. Perniagaan KS Sdn. Bhd. memiliki sebuah kilang yang mengeluarkan kain. Kerana pendawaian yang dilakukan tidak sempurna, beberapa mesin telah berhenti berfungsi dan seterusnya pengeluaran daripada kilang itu telah terbantut. Syarikat EB Sdn. Bhd. setuju untuk memperbaiki pendawaian tersebut. Walau bagaimanapun pekerja-pekerja memperkenalkan beberapa peraturan baru di tempat pekerjaan mereka. Kerana EB Sdn. Bhd. tidak dapat menjalankan kerja-kerja itu, ia menasihatkan KS Sdn. Bhd. untuk mengupah EC Sdn. Bhd. untuk menjalankan kerja-kerja tersebut. KS Sdn. Bhd. sanggup menjalankan kerja-kerja itu dengan bayaran RM2,000.000. KS Sdn. Bhd. tidak bersetuju EC Sdn. Bhd. walaupun EC Sdn. Bhd. adalah sama baik seperti EB Sdn. Bhd. Mogokan itu berlanjutan untuk dua bulan. KS Sdn. Bhd. juga membekal kain kepada Kloth Sdn. Bhd. iaitu sebuah kilang di Indonesia pada harga yang tinggi. Oleh kerana Kloth Sdn. Bhd. tidak menerima bekalan seperti dijanji untuk dua bulan, ianya telah membatalkan kontraknya dengan KS Sdn. Bhd. KS Sdn. Bhd. telah bersetuju bahawa jika ianya tidak mampu untuk bekal kain untuk tempoh melebihi dua bulan ianya akan bayar ganti rugi kepada Kloth Sdn. Bhd. sebanyak RM70,000.00.

Nasihatkan KS Sdn. Bhd. yang ingin menyaman EB Sdn. Bhd. mengenai perkara-perkara berikut:

- (a) RM1,000,000.00 kerana kelambatan dua bulan dalam menyiapkan kerja pembaikan.

[8.3 markah]

- (b) RM100,000.00 kerana kehilangan kontrak mereka dengan Kloth Sdn. Bhd.

[8.3 markah]

- (c) RM70,000.00 iaitu amaun yang mereka perlu bayar sebagai ganti rugi kepada Kloth Sdn. Bhd.

[8.3 markah]

4. Pada tahun 1998 Encik Naga telah mengambil keputusan untuk menyewa jentolak dari Perniagaan Tolak Sdn. Bhd. untuk diguna untuk membersihkan sebidang tanah. Kemudian Encik Naga telah berbincang dengan Perniagaan Tolak Sdn. Bhd. berkenaan sewaan jentolak yang sesuai. Semasa perbincangan Encik Naga telah jelaskan bahawa jentolak yang disewa itu mesti mampu mengangkut 100 ton tanah sejam. Pengurus Perniagaan Tolak memberitahu bahawa dia menjamin jentolak itu mampu berbuat demikian. Sebagai tambahan Encik Naga telah memberitahu pengurus itu kerana amaun untung yang akan diperolehi menerusi kontrak pembersihan tanah itu adalah rendah, jentolak itu tidak seharusnya menelan belanja yang tinggi untuk minyak. Pengurus memberitahu jentolaknya tidak akan guna lebih daripada 10 liter minyak disel setiap sejam. Seterusnya Encik Naga telah setuju untuk menyewa jentolak untuk tempoh empat minggu. Pengurus telah mengemukakan kontrak piawai yang ditandatangani oleh Encik Naga dengan serta merta.

Kontrak piawai ini tidak menyebut apa-apa tentang minyak yang akan digunakan oleh jentolak itu dan satu lagi syarat menyatakan sebarang jaminan tidak diberi berkenaan kemampuan jentolak itu untuk mengangkut tanah melebihi 50 ton sejam.

Bila Encik Naga mengguna jentolak itu, dia mendapati ia hanya boleh mengangkut 80 ton tanah sejam dan mengguna 15 liter minyak setiap sejam.

Nasihatkan Encik Naga jika Perniagaan Tolak Sdn. Bhd. telah melakukan satu perlakuan mungkir perjanjian.

[25 markah]

5. (a) Nyatakan perbezaan di antara syarikat-syarikat yang berliabiliti terhad dan tidak terhad.

[10 markah]

- (b) Terangkan konsep entiti perundangan berasingan syarikat dengan merujuk kepada kes-kes yang berkenaan.

[15 markah]

...5/-

6. Ahmad, Ah Chong dan Arumugam bercadang untuk memulakan satu perniagaan kereta terpakai. Mereka menandatangani satu perjanjian yang mempunyai syarat-syarat berikut:

Syarat 1

Pengongsi firma ini adalah Ahmad, Ah Chong dan Arumugam.

Syarat 2

Modal firma ini adalah RM5,000.00 iaut RM4,000.00 oleh Ahmad dan RM1,000.00 oleh Ah Chong.

Syarat 3

Arumugam bertanggungjawab mengurus firma itu dan Ahmad bertanggungjawab menyimpan akaun.

Syarat 4

Perkongsian ini bermula pada 1 Januari 1998 dan akan tamat pada 31 Disember 1998.

Ah Chong dan Arumugam tidak suka Ahmad dan mahu memecatnya. Mereka mengadakan satu mesyuarat dan memutuskan untuk menyingkir Encik Ahmad. Mereka juga membuat keputusan memberi Arumugam 50% keuntungan yang diperolehi kerana beliau yang bertanggungjawab mengurus firma tersebut. Encik Ahmad diputuskan tidak layak menerima sebarang keuntungan.

Encik Ahmad berasa tidak puashati dan meminta nasihat anda. Dia ingin tahu beberapa perkara berikut:

- (a) Adakah Ah Chong dan Arumugam berkuasa untuk menyingkirnya?

[8.3 markah]

- (b) Adakah dia layak terima sebahagian daripada keuntungan yang diperolehi?

[8.3 markah]

...6/-

ATW103

(c) Adakah dia boleh kekal sebagai ahli sehingga akhir tahun 1998.

[8.3 markah]

Nasihatkan Encik Ahmad.

---ooo000ooo---